

Terbitan : Dewan Ekonomi | Info Cukai
Keluaran : November 2025
Tajuk : Sijil Pematuhan Cukai
Menyemai Budaya Pematuhan, Mengukuh Ekonomi Negara

Info Cukai

Oleh: HASiL

Sijil Pematuhan Cukai

Menyemai Budaya Pematuhan, Mengukuh Ekonomi Negara

Dalam landskap ekonomi global yang semakin kompleks, isu tadbir urus kewangan kini bukan lagi sekadar urusan pentadbiran, sebaliknya menjadi penanda aras reputasi dan daya saing sesebuah negara. Pelabur, komuniti perniagaan dan rakyat menilai tahap ketelusan kerajaan dalam mengurus hasil negara. Oleh itu, reformasi percukaian yang inklusif, telus dan mampan amat penting bagi menjamin keyakinan dan kelestarian ekonomi untuk jangka masa panjang.

Selaras dengan matlamat tersebut, Sijil Pematuhan Cukai [Tax Compliance Certificate (TCC)] diperkenalkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) sebagai sijil akuan status pematuhan pembayar cukai. Sijil ini menjadi antara dokumen prasyarat yang perlu dikemukakan oleh pembayar cukai atau pembida bagi permohonan perolehan kerajaan mulai tahun 2023.

TCC bukan sekadar dokumen tambahan, tetapi berperanan sebagai mekanisme kawalan untuk menyokong usaha kerajaan mengukuhkan hasil negara. Langkah ini turut meningkatkan keyakinan komuniti perniagaan terhadap sistem persaingan yang adil, selain menyemai budaya pengurusan hasil yang telus dan bertanggungjawab. Pendekatan ini membawa mesej jelas bahawa pematuhan cukai bukan lagi hanya kewajipan undang-undang, tetapi menjadi penentu kelayakan dalam meraih peluang ekonomi.

Pelaksanaan dan Keberkesanan TCC

TCC merupakan dokumen rasmi yang mengesahkan bahawa pembayar cukai telah menunaikan tanggungjawab percukaian mereka. Dua syarat asas untuk melayakkan individu atau entiti memperolehnya ialah:

1. **Pengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP)** yang lengkap dan betul dalam tempoh yang ditetapkan.
 - TCC boleh diperoleh melalui portal MyTax bagi semua kategori pembayar cukai, kecuali individu yang mengemukakan borang e-BE (bagi individu yang tidak menjalankan perniagaan).
2. **Penyelesaian bayaran cukai tanpa tunggakan.**
 - Sekiranya memerlukan bayaran ansuran, permohonan boleh dibuat melalui e-Ansuran menerusi portal MyTax (maksimum 6 bulan).
 - Ansuran melebihi enam bulan perlu dikemukakan di Pejabat HASiL yang mengurus fail cukai.

Berdasarkan garis panduan rasmi HASiL:

- **Daftar dan Pastikan Maklumat Cukai:** Pembayar cukai mesti mempunyai Nombor Pengenal Cukai (TIN) dan mendaftar melalui e-Daftar menerusi MyTax jika belum mendaftar.
- **Semak Status dan cetak TCC:** Log masuk dalam MyTax, pilih menu "Status MyTax", klik ikon "e-TCC" dan cetak sijil sekiranya status menunjukkan "Patuh".
- **Jika Status Tidak Patuh:** Pembayar cukai perlu mengemukakan BNCP, melunaskan tunggakan cukai atau membuat ansuran bayaran.
- **Tempoh Sah Laku:** Sijil TCC sah sehingga 31 Disember tahun semasa.
- **Semak Ketulenan:** Ketulenan sijil boleh disahkan dengan mengimbas kod QR melalui aplikasi mudah alih MyTax.

Dengan menjadikan TCC sebagai syarat penyertaan tender kerajaan, hanya pembayar cukai yang berdisiplin dari segi fiskal layak bersaing. Langkah ini bukan sahaja memperkukuh integriti perolehan awam, tetapi juga memperluas asas percukaian, menambah hasil negara dan mewujudkan persaingan yang lebih adil, serta berdaya saing.

Implikasi Strategik terhadap Ekosistem Percukaian

Pengenalan TCC membawa implikasi strategik yang melangkaui aspek kawalan teknikal percukaian semata-mata.

- **Dari perspektif kerajaan,** pelaksanaan TCC membantu meningkatkan kutipan hasil, menggalakkan pematuhan cukai secara menyeluruh dan mengurangkan risiko ketirisan dana awam.
- **Bagi sektor swasta,** TCC menjadi pemangkin kepada amalan pengurusan percukaian yang lebih sistematik, sekali gus meningkatkan kredibiliti perniagaan pada mata pihak berkuasa dan rakan niaga.
- **Dalam konteks nasional,** TCC berfungsi sebagai penanda aras baharu dalam budaya tadbir urus kewangan negara. Proses perolehan kerajaan kini bukan sahaja menilai kualiti produk dan perkhidmatan, malah turut menitikberatkan integriti fiskal perniagaan.

Secara keseluruhannya, TCC melengkapkan agenda reformasi percukaian negara yang berteraskan keadilan, ketelusan dan kelestarian, serta menjadikan pematuhan cukai sebagai nilai tambah yang membuka peluang ekonomi lebih besar.

Kesimpulan

Pelaksanaan TCC membuktikan komitmen kerajaan untuk memastikan keadilan dalam proses perolehan, memperkukuh tadbir urus kewangan dan menyemai budaya pematuhan cukai yang mampan. Lebih daripada sekadar dokumen, TCC merupakan simbol integriti dan kredibiliti yang menyatukan kerajaan, sektor swasta dan rakyat bagi membina ekosistem fiskal berdaya tahan.

Langkah ini bukan sahaja meletakkan Malaysia pada landasan ekonomi yang kukuh, malah menjadikan negara lebih berdaya saing pada peringkat global.

Untuk pertanyaan lanjut mengenai TCC, sila hubungi:

✉ tcc@hasil.gov.my;

☎ 03-8911 1000 (dalam negara)/603-89111100 (luar negara);

🌐 Rujuk *Garis Panduan Operasi Pelaksanaan Sijil Pematuhan Cukai (TCC) ke atas Perolehan Kerajaan* menerusi portal rasmi HASiL, www.hasil.gov.my.



Sijil Pematuhan Cukai Menyemai Budaya Pematuhan, Mengukuh Ekonomi Negara

A	P	H	A	S	I	L	T	C	U	M	Y	T	I	P	A
B	M	A	A	M	E	E	P	N	A	P	I	T	U	K	A
A	N	G	G	E	O	O	P	Q	W	K	R	S	T	U	S
B	N	K	D	L	T	C	C	C	U	K	U	A	I	V	T
S	U	E	O	U	M	Y	T	A	K	I	Y	A	N	W	F
A	I	R	K	N	S	D	D	O	K	U	M	E	N	C	F
T	G	A	U	A	S	D	D	O	O	G	U	V	C	I	
U	G	J	M	S	K	E	T	U	L	E	N	A	N	D	H
T	A	A	A	K	E	R	A	N	A	U	U	P	P	I	U
C	E	A	N	A	N	A	K	A	Y	A	L	E	K	Y	T
X	E	N	I	N	F	A	T	E	H	H	H	A	C	M	A
X	X	A	T	Y	M	A	A	F	U	K	L	N	U	Y	P
M	U	N	G	K	I	N	C	U	K	A	I	I	E	D	A

1. Tax Compliance Certificate (TCC) ialah sijil _____ status pematuhan pembayar cukai yang dikeluarkan oleh HASIL.
2. Pembayar cukai atau pembida perlu mengemukakan TCC yang merupakan sebahagian _____ prasyarat bagi permohonan perolehan kerajaan bermula tahun 2023.
3. Pematuhan cukai dalam kalangan pembayar cukai merupakan penentu _____ bagi meraih peluang ekonomi.
4. _____ syarat asas untuk melayakkan individu atau entiti memperoleh TCC ialah pengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) yang lengkap dan penyelesaian bayaran cukai tanpa tunggakan.
5. Semakan status TCC boleh dilakukan melalui aplikasi _____.
6. Pembayar cukai perlu mengemukakan BNCP yang lengkap dan betul bagi memperoleh _____.
7. Pembayar cukai atau pembida yang memperoleh TCC layak bersaing untuk menyertai tender _____.
8. Kelebihan pelaksanaan TCC adalah untuk meningkatkan _____ hasil dan menggalakkan pematuhan cukai secara menyeluruh sekali gus mengurangkan risiko ketirisan dana awam.
9. Semakan _____ TCC boleh disahkan dengan mengimbas kod QR melalui aplikasi mudah alih MyTax.
10. Sekiranya status TCC tidak patuh, pembayar cukai perlu mengemukakan BNCP dan _____ tunggakan cukai secara penuh atau secara ansuran.

Peraturan

1. Peraduan ini terbuka kepada pembaca majalah *Dewan Ekonomi* berumur antara 15 tahun hingga 40 tahun. Walau bagaimanapun, kakitangan dan ahli keluarga Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASIL), serta Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) tidak dibenarkan menyertai peraduan ini.
2. Setiap penyertaan mesti disertakan dengan:
 - (i) Nama:
 - (ii) Alamat Rumah:
 - (iii) Nombor Kad Pengenalan:
 - (iv) Nombor Telefon:
 - (v) Nama Bank:
 - (vi) Nombor Akaun Bank (Akaun Milik Peserta):
 - (vii) E-mel:
3. Jawapan hendaklah dihantar kepada HASIL selewat-lewatnya pada **30 November 2025** melalui e-mel yang berikut:
 - (i) azizi.mamat@hasil.gov.my
 - (ii) muhammadhisham@hasil.gov.my
4. Pemilihan pemenang ditentukan berdasarkan "siapa cepat, dia dapat" dan keputusan jawatankuasa adalah muktamad. Sebarang permohonan rayuan atau bantahan yang dikemukakan tidak akan dilayan.

Hadiah Menarik!

"RM100 Menanti Lima Pemenang yang Tepat dan Terpantas!"